

17/08/2001

Kuasa besar Islam elak penindasan (HL)

Kamal Ahmad in Sana'a

SANA'A, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, perlu ada satu kuasa besar dunia daripada kalangan negara Islam supaya tidak ada mana-mana pihak berani menindas umat Islam.

Perdana Menteri berkata, kewujudan sebuah kuasa besar dari dunia Islam bukan mustahil kerana banyak negara Islam yang besar, mempunyai ramai penduduk dan kaya.

Sehubungan itu, katanya, negara Islam mesti mengelakkan pertelingkahan dan peperangan sesama sendiri sebaliknya berusaha menimba ilmu untuk membawa mereka ke arah pembangunan bagi menyaingi negara maju.

"Dengan itu, ia boleh menjadi kuasa besar dan tidak ada sesiapa berani menindas orang Islam kerana ada negara Islam yang boleh mengimbangi tindakan mereka.

"Jika tidak ada negara yang menjadi kuasa dunia, kita kena bersatu mempertahankan orang Islam lain," katanya berucap kepada kira-kira 200 ahli Majlis Syura Yaman, sebuah badan penasihat Kerajaan Yaman yang dianggotai ulama, cendekiawan dan wakil sektor swasta, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang tiba semalam untuk lawatan empat hari ke negara ini berkata, perselisihan faham di kalangan negara Islam menyebabkan mereka lemah sehingga memberi kesempatan kepada pihak lain menindas umat Islam seperti berlaku di Palestin.

"Bergaduh sesama kita bukan ajaran Islam. Saya berpendapat kita perlu bekerjasama untuk menjadi kuat," katanya sambil menambah, mengelak daripada berbalah adalah strategi penting untuk mencapai kemajuan bersama dan membolehkan umat Islam saling melindungi.

Dalam ucapannya selama 40 minit itu, Dr Mahathir berkata umat Islam bukannya bodoh kerana mereka terbukti mampu membentuk tamadun dan empayar yang boleh dibanggakan di masa lampau.

"Di Malaysia, kami cuba membuktikan sesebuah negara Islam boleh menjadi maju seperti mana-mana negara maju lain.

"Saya yakin jika umat Islam berganding bahu, dalam masa beberapa dekad ini mereka akan menjadi kaya seperti negara maju dan ketika itu, tidak ada pihak yang berani menindas umat Islam lagi.

"Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab untuk melindungi umat Islam yang lain. Tetapi kita tidak dapat melakukannya jika kita lemah dan miskin," katanya.

Perdana Menteri turut menjelaskan bagaimana Malaysia mampu menjadi stabil dari segi politik dan berjaya mengubah ekonominya sehingga menjadi negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia.

Beliau juga menceritakan cara Kuala Lumpur menangani krisis ekonomi dan kewangan serantau pada 1997, menjelaskan kaedah Persyarikatan Malaysia serta usaha Malaysia meraih manfaat daripada era teknologi maklumat (IT).

Dr Mahathir berkata, umat Islam atau negara Islam tidak sepatutnya terpinggir dari era maklumat.

Untuk menjadi kaya, kata Perdana Menteri, sesebuah negara tidak boleh hanya bergantung kepada sektor pertanian, sebaliknya mereka perlu terbabit dalam perindustrian.

Ketika sesi soal jawab, Dr Mahathir mengingatkan mereka yang hadir mengenai bahaya globalisasi yang digubal Barat.

Mengenai penggunaan dinar emas untuk urusan perdagangan, beliau berkata, perkara itu sedang dikaji.

"Jika kita ada dinar sebagai simpanan dan perdagangan dijalankan

menggunakan dinar emas, nilai sesuatu mata wang itu dapat menjadi stabil," katanya.

Sebelum menghadiri perjumpaan itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Yaman, Abdul Kader Ba Jammal sebelum keduanya mengetuai delegasi masing-masing ke mesyuarat dua hala yang berlangsung selama satu jam.

Dua memorandum persefahaman ditandatangani selepas mesyuarat itu, satu bagi pembentukan Suruhanjaya Bersama Yaman-Malaysia dan satu lagi mengenai kerjasama dan latihan untuk kakitangan awam.

(END)